



# Berita UniMAP

## UniMAP-UUM Hasrat Wujud IPTS Tawar Pengajian Diploma

**KANGAR**, 26 Januari 2011 - Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) berhasrat bergabung kepakaran bagi mewujudkan sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang menawarkan pengajian peringkat diploma.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata institusi itu akan memainkan peranan sebagai 'pembekal' lulusan diploma untuk universiti tempatan yang lain bagi pengajian peringkat yang lebih tinggi. Selain itu katanya, kedua-dua universiti tersebut turut berbincang untuk mewujudkan universiti berkembar dalam bidang pembangunan sosial, ekonomi dan teknikal.

"Kami yakin kerjasama antara UniMAP dan UUM akan membolehkan hasrat itu dicapai," katanya selepas menerima kunjungan delegasi pengurusan tertinggi UUM yang diketuai Naib Canselornya Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak. Sementara itu, Prof. Dato' Mohamed Mustafa berkata UUM dan UniMAP juga akan bekerjasama membangunkan beberapa bidang yang telah dikenalpasti termasuk pertukaran pelajar dan program kebudayaan.

Selain itu katanya, masing-masing juga akan menggunakan kelebihan yang ada pada kedua-dua institusi untuk merangka cadangan pembangunan sosial melibatkan masyarakat di kawasan sempadan negara.



"Saya yakin UUM dan UniMAP akan menjadi perintis gabungan mantap itu di utara Semenanjung melalui kerjasama yang bakal direalisasikan," katanya. Sebelum itu, semua delegasi pengurusan tertinggi UUM telah diberi taklimat oleh Dato' Prof. Dr. Kamarudin berkenaan perkembangan universiti ini dan dibawa melawat sekitar Kampus Ulu Pauh sebelum diraikan dalam majlis jamuan tengahari di Dewan Kapitol UniMAP.